

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Perbankan syariah di Negara Indonesia telah mengalami perkembangan yang cukup pesat, terutama setelah penerbitan Undang-Undang No. 21 tahun 2008 tentang Perbankan Syariah, di mana ianya merupakan salah satu faktor penyokong perkembangan perbankan yang berasaskan syariah di Indonesia. Perkembangan perbankan syariah selama satu tahun terakhir, hingga bulan Oktober 2012 (*year on year*) cukup menggembirakan, di mana perbankan syariah mampu meningkat $\pm 37\%$ sehingga jumlah asetnya mencapai Rp174.09 trilion. Pembiayaan telah mencapai Rp135.58 trilion (40.06%, *year on year*) dan pengumpulan dana mencapai Rp134.45 trilion (32.06%).¹

Mengikut Undang-Undang Republik Indonesia No. 10 Tahun 1998 tentang Perbankan dan No. 21 Tahun 2008 tentang Perbankan Syariah, bahawa institusi perbankan di Indonesia berasaskan jenisnya digolongkan menjadi dua, iaitu pertama, Bank Umum Konvensional dan Kedua Bank Perkreditan Rakyat (BPR)², hal ini juga berlaku pada perbankan syariah di mana ianya terdiri daripada Bank Umum Syariah (BUS)/ (*Islamic Commercial Bank*) dan Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS)/ (*Islamic Rural Bank*).³

¹ Bank Indonesia, *Outlook Perbankan Syariah 2013* (Jakarta: Bank Indonesia, Disember 2012), 1.

² Bank Umum Konvensional adalah Bank Konvensional yang mana aktivitiya memberikan perkhidmatan transaksi pembayaran di luar bank yang berkenaan. Sedangkan Bank Perkreditan Rakyat adalah Bank Konvensional yang mana aktivitiya tidak memberikan perkhidmatan transaksi pembayaran di luar bank berkenaan. Sila rujuk: Undang-Undang Republik Indonesia No. 21 Tahun 2008 tentang Perbankan syariah, pasal 1, No. 5 & 6.

³ Bank Umum Syariah adalah Bank Syariah yang mana aktivitiya memberikan perkhidmatan transaksi pembayaran di luar bank yang berkenaan. Sedangkan Bank Pembiayaan Rakyat Syariah adalah Bank Syariah yang mana aktivitiya tidak memberikan perkhidmatan transaksi pembayaran di luar bank yang berkenaan. Sila rujuk: Undang-Undang Republik Indonesia No. 21 Tahun 2008 tentang perbankan syariah, pasal 1, No. 8 & 9.

Satu khabar yang menggembirakan di mana jumlah institusi perbankan syariah di Indonesia semakin bertambah dari tahun ke tahun, sehingga pada September 2012 terdapat 11 Bank Umum Syariah (BUS) yang tersebar di seluruh Negara Republik Indonesia di mana ianya memiliki 1650 pejabat. Begitu juga Bank Pembiayaan Rakyat Syariah yang selanjutnya disingkatkan menjadi (BPRS) mencapai jumlah yang sangat membanggakan, hingga September 2012 didapati 156 BPRS pada seluruh daerah di Indonesia di mana ianya memiliki 386 pejabat.⁴

Salah satu keuntungan yang boleh diperoleh masyarakat daripada penubuhan bank syariah di Indonesia iaitu terdapat produk pengumpulan dana berupa produk Tabungan Haji. Ibadah haji merupakan rukun Islam yang kelima, di mana tidak semua umat Islam boleh melaksanakannya, kerana pelaksanaannya memerlukan kemampuan dari aspek harta, jasmani dan rohani. Bagi umat Islam yang tidak memiliki kemampuan dalam aspek harta, maka kehadiran produk Tabungan Haji akan membantu mereka dalam proses pengumpulan dana yang dikhususkan untuk ibadah haji, begitu juga membantu mereka dalam penentuan jadual pergi dan pengelolaan dana untuk menunaikan ibadah haji.⁵

Indonesia merupakan negara yang mempunyai penduduk muslim paling ramai di dunia, sehingga pada setiap tahunnya terjadi peningkatan jumlah calon jemaah haji. Pada hari ini, jika seseorang mendaftarkan diri untuk menunaikan ibadah haji, maka ia mesti menunggu dalam tempoh masa sepuluh tahun supaya boleh melaksanakan ibadah haji, walhal kerajaan Arab Saudi telah memberikan tambahan kuota untuk jemaah haji Indonesia pada setiap tahun. Oleh itu, untuk memudahkan para calon jemaah haji dapat menunaikan ibadah haji secara tersusun maka perbankan Indonesia menerbitkan dan

⁴ Bank Indonesia, *Statistik Perbankan Syariah (Islamic Banking Statistics) September 2012* (Direktorat Perbankan Syariah Bank Indonesia, September 2012), 3.

⁵ Ika Wahyuningsih, "Perlakuan Akuntansi Tabungan Haji Pada Bank Mega Syariah Di Surabaya," *The Indonesian Accounting Review*, Volume 2, No. 2 (Julai 2012, 243 – 256), 243-244.

menawarkan produk Tabungan Haji. Malahan, produk Tabungan Haji hari ini telah banyak dimiliki oleh institusi perbankan di Indonesia sama ada syariah mahupun konvensional,⁶ namun penerapan prinsip dan sistem yang digunakan berbeza pada institusi masing-masing.

Perbankan syariah di Indonesia sampai hari ini masih ada yang menawarkan produk Tabungan Haji dengan menggunakan akad *muḍārabah*, di mana penggunaan akad *muḍārabah* dalam produk Tabungan Haji akan memberikan nisbah kongsi untung daripada pihak bank kepada pelanggan. Akad *muḍārabah* merupakan akad usaha sama antara pemodal dengan usahawan untuk melakukan aktiviti keusahawanan dengan nisbah kongsi untung menurut kesepakatan. Namun apabila terjadi risiko kerugian, maka risiko ditanggung oleh pihak pemodal selagi ianya bukan kerana kecuaiian atau kesilapan dari pihak usahawan.⁷

1.2. Latar Belakang Kajian

Tertubuhnya Undang-Undang No. 10 Tahun 1998, tentang perubahan atas Undang-Undang No. 7 tahun 1992 tentang Perbankan, telah memberikan semangat terhadap penubuhan bank-bank syariah, termasuk juga bank-bank konvensional yang membuka cawangan syariah.⁸ Sekian lama masyarakat menunggu penubuhan institusi kewangan secara khasnya perbankan yang berasaskan al-Qur'an dan Hadith, namun hal ini belum dapat diaplikasikan secara maksimum kecuali setelah tertubuhnya Undang-Undang No. 10 Tahun 1998 tersebut.

⁶ *Ibid.*

⁷ *Ibid.*, 244. Syukri Iska, *Sistem Perbankan Syariah Di Indonesia Dalam Perspektif Fikih Ekonomi* (Yogyakarta: Fajar media Press, 2012), 185-186.

⁸ Junaidi, "Pelaksanaan Bagi Hasil Dalam Penyaluran Dana Mudhorobah Pada Bank Syariah Mandiri: Study Di Bank Syariah Mandiri Kudus" (Tesis Master Kenotariatan, Universiti Diponegoro, Semarang, 2006), ix.

Bagi masyarakat muslim Indonesia, penubuhan bank-bank yang berasaskan syariah bukan hanya menguntungkan para peniaga dan pelabur sahaja, namun ianya juga menguntungkan bagi masyarakat muslim yang berminat melaksanakan ibadah haji⁹. Sebahagian daripada masyarakat Indonesia golongan sederhana memiliki semangat yang cukup tinggi untuk melaksanakan ibadah haji. Usaha mereka dalam mengumpul dana haji perlu untuk dibanggakan. Sedikit demi sedikit wang daripada hasil kerja mereka disimpan di rumah masing-masing. Hal tersebut tidak lain merupakan salah satu usaha untuk menunaikan kewajiban mereka sebagai seorang muslim, iaitu melaksanakan ibadah haji.

Usaha masyarakat dalam menyimpan wang di rumah mereka berkemungkinan akan menghadapi beberapa permasalahan yang mungkin boleh terjadi. Pertama, wang simpanan tersebut selalunya boleh berkurang disebabkan oleh keperluan yang penting, di mana mereka boleh menggunakan wang simpanan tersebut pada bila-bila masa tanpa ada halangan daripada mana-mana pihak. Kedua, amalan menyimpan wang di rumah merupakan amalan yang tidak selamat kerana akan membawa kerugian sekiranya berlaku kecurian, rompakan, kebakaran atau bencana alam.¹⁰ Oleh kerana itu, institusi perbankan yang mempunyai peranan penting dalam transaksi kewangan semasa berusaha untuk menerbitkan sebuah produk baru yang dikhususkan bagi umat Islam yang berminat melaksanakan ibadah haji bagi menyimpan dan menjaga wang simpanan mereka dari pelbagai permasalahan, serta memberi kemudahan kepada para calon jemaah haji dalam pengurusan prosedur pendaftaran ibadah haji.¹¹ Produk tersebut dikenali dengan nama Tabungan Haji atau Tabungan Haji dan Umroh yang selanjutnya disingkatkan menjadi (TAHAROH). Namun ada juga daripada institusi perbankan di

⁹ Ika Wahyuningsih, "Perlakuan Akuntansi Tabungan Haji," 243-244.

¹⁰ Sugiarto, "Kepailitan Bank Dalam Likuidasi: Studi Kasus Bank Global" (Tesis Master Hukum, Program Studi Ilmu Hukum, Kekhususan Hukum Ekonomi Fakultas Hukum Universiti Indonesia, Jakarta, Jun 2012), 1-2.

¹¹ Ahmad Gozali, *Halal, Berkah, Bertambah: Mengenal dan Memilih Produk Investasi Syariah* (Jakarta: PT. Elex Media Komputindo Kelompok Gramedia, cet. 2, 2004).

Indonesia yang menamakan produk Tabungan Haji dan Umroh dengan nama yang lain, seperti yang terjadi di Bank Mandiri Syariah (BSM), di mana institusi ini menamakan produk Tabungan Haji dan Umroh dengan nama Tabungan Maburr.¹²

Tabungan Haji atau TAHAROH merupakan salah satu produk yang ditawarkan oleh perbankan syariah di Indonesia yang berasaskan prinsip Islam, di mana produk ini mampu menarik para pelanggan sehingga ianya mampu bersaing dengan perbankan konvensional. Produk ini dapat membantu masyarakat muslim dalam pengumpulan dana bagi menunaikan ibadah haji dan juga memberikan keselamatan kepada wang mereka dari kehilangan dan kecurian.¹³

1.3. Permasalahan Kajian

Daripada latar belakang di atas dapat diketahui bahawa produk TAHAROH tersebut perlu mendapat sokongan, sehingga ianya mampu menyaingi produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan konvensional. Namun begitu, pengetahuan serta pemahaman akad yang digunakan dalam suatu transaksi sesuatu produk juga mutlak diperlukan oleh seorang muslim.

Produk Tabungan Haji daripada beberapa institusi perbankan syariah di Indonesia telah menggunakan *wadi'ah*¹⁴ sebagai akadnya, seperti Bank DKI Syariah¹⁵,

¹²Sila rujuk: Bank Syariah Mandiri, "BSM Tabungan Maburr", Bank Syariah Mandiri, dicapai pada 11 Mei 2013, <http://www.syariahamandiri.co.id/category/consumer-banking/produkdana-consumer/syariah-mandiri-tabungan/tabungan-maburr-bsm/>.

¹³Ika Wahyuningsih, "Perlakuan Akuntansi Tabungan Haji," 244.

¹⁴Secara umumnya terdapat dua jenis *wadi'ah*, iaitu *al-wadi'ah yad al-amānah* dan *al-wadi'ah yad al-ḍamānah*. Namun majoritinya, dalam aktiviti perekonomian semasa di Indonesia, jenis akad *wadi'ah* yang digunakan oleh pihak bank syariah adalah akad *al-wadi'ah yad al-ḍamānah*. Dengan menggunakan akad *al-wadi'ah yad al-ḍamānah*, maka pihak bank boleh menggunakan wang simpanan pelanggan dalam aktiviti perekonomian tertentu, dengan cara meminta izin pihak pelanggan terlebih dahulu dan menjamin akan mengembalikan wang simpanan tersebut dengan sempurna ketika pihak pelanggan memerlukannya. Manakala *al-wadi'ah yad al-amānah* biasanya digunakan dalam produk perkhidmatan berupa *safe deposit box* (peti simpanan selamat), yang berfungsi sebagai sarana penyimpanan barang berharga milik pelanggan. Pihak bank akan mendapatkan kos sebagai ganjaran daripada perkhidmatan ini, kerana dengan ini para pelanggan dapat menyimpan barang berharga yang dimilikinya. Dengan prinsip *wadi'ah yad al-amānah* ini, pihak penjaga amanah (bank) tidak dibenarkan menggunakan barang atau aset yang diserahkan kepadanya, di mana tugasnya hanyalah untuk menjaga simpanan tersebut. Sila rujuk:

Bank Muamalat Indonesia¹⁶ dan Bank Bukopin Syariah¹⁷. Akad ini memang dianggap sesuai jika diaplikasikan pada produk Tabungan Haji, di mana para pelanggan menyetorkan wang mereka kepada bank untuk disimpan yang kemudiannya akan mereka ambil kembali apabila waktu musim haji tiba. Dengan prinsip *wadi'ah* dana yang mereka simpan di dalam bank tidaklah mengandung risiko kerugian (pengurangan harta) sebagaimana yang terjadi dalam prinsip kongsi untung daripada produk-produk lainnya¹⁸.

Namun, ada juga perbankan Islam di Indonesia yang menawarkan produk Tabungan Haji tetapi dengan menggunakan akad *muḍārabah*. Di antara bank-bank yang menawarkan prinsip *muḍārabah* pada produk Tabungan Haji ialah Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi yang disingkatkan menjadi (BPRS-HIK Bekasi, Indonesia), di mana sampai saat ini ianya masih mengaplikasikan prinsip *muḍārabah* pada salah satu produknya, iaitu produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH).¹⁹

Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah: Dari Teori ke Praktik* (Jakarta: Gema Insani Press, 2002), 86-87 & 148. Syukri Iska, *Sistem Perbankan Syariah di Indonesia Dalam Perspektif Fikih Ekonomi* (Yogyakarta: Fajar media Press, 2012), 193. Adiwarmanto Karim, *Bank Islam: Analisis Fiqih dan Keuangan*, ed. Ke-2 (Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2004), 271-272. M. Nur Rianto Al Arif, *Lembaga Keuangan Syariah: Suatu Kajian Teoretis Praktis* (Bandung: Pustaka Setia, 2012), 194-195.

¹⁵ Bank DKI Syariah, "Tabungan iB Taharoh", dicapai pada 11 Mei 2013, <http://bankdkisyariah.co.id/?page=toharoh>.

¹⁶ Bank Muamalat, "Tabungan Haji Arafah", dicapai pada 11 Mei 2013, http://www.muamalatbank.com/home/produk/tabungan_arafah.

¹⁷ Bank Bukopin Syariah, "Tabungan iB Haji", dicapai pada 11 Mei 2013, <http://www.syariahbukopin.co.id/page/productgroup/0>.

¹⁸ Sebagaimana pembahasan sebelumnya, bahawa jenis akad *wadi'ah* yang digunakan oleh institusi perbankan semasa adalah akad *al-wadi'ah yad al-ḍamānah*. Dengan menggunakan akad *al-wadi'ah yad al-ḍamānah*, maka pihak bank mesti menjamin pengembalian wang simpanan pelanggan yang digunakan pihak bank dalam aktiviti perekonomiannya. Sila rujuk: Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah*, 86-87. Syukri Iska, *Sistem Perbankan Syariah di Indonesia*, 193. Adiwarmanto Karim, *Bank Islam*, 271-272.

¹⁹ Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi (BPRS-HIK Bekasi-Indonesia), "Taharoh (Tabungan Haji & Umroh)", dicapai pada 11 Mei 2013, <http://www.bprshikbekasi.com/produk/taharoh-tabungan-haji-umroh/>.

Selain BPRS-HIK Bekasi, terdapat bank syariah lainnya yang menggunakan akad *muḍārabah* pada produk Tabungan Haji, seperti Bank Syariah Mandiri, Bank DKI dan Bank Muamalat Indonesia. Syariah sila rujuk: Bank Syariah Mandiri, "BSM Tabungan Mabrur", dicapai pada 11 Mei 2013, <http://www.syariahmandiri.co.id/category/consumer-banking/produkdana-consumer/syariah-mandiri-tabungan/tabungan-mabrur-bsm/>. Bank DKI Syariah, "Tabungan iB Taharoh", dicapai pada 11 Mei 2013, <http://bankdkisyariah.co.id/?page=toharoh>. Bank Muamalat, "Tabungan Haji Arafah Plus", dicapai pada 11 Mei 2013, http://www.muamalatbank.com/home/produk/tabungan_arafahplus.

Akad *muḍārabah* merupakan salah satu bentuk akad yang ditawarkan dalam perbankan Islam dengan sistem kongsi untung, di mana sistem ini dimaksudkan sebagai pengganti kepada akad-akad yang mengandungi unsur-unsur faedah.²⁰ Prinsip *muḍārabah* sangat membantu para peniaga muslim yang berkeinginan melaburkan dananya untuk dikembangkan, namun dengan tetap mengira aspek kerugian yang boleh berlaku pada bila-bila masa. Akad *muḍārabah* digolongkan ke dalam ‘*Uqūd al-Mu‘āwadāt*, ‘*Uqūd al-Mushārahāt*’²¹ atau ‘*Uqūd al-Tijāriyyah*’²² yang bertujuan untuk mendapatkan sebuah keuntungan, dan bukan termasuk dalam kategori ‘*Uqūd al-Tabarru‘āt*’ yang dibuat atas prinsip tolong-menolong, tanpa bertujuan untuk mencari keuntungan.²³ Hal tersebut kerana sememangnya tujuan awal para pemilik modal ialah melaburkan dana mereka untuk perkara perniagaan agar memperoleh keuntungan kebendaan. Kebiasaannya, akad ini digunakan pada produk pembiayaan modal kerja atau pada produk pengumpulan dana berupa Tabungan Deposit (simpanan berjangka) di mana tujuannya tidak terlepas daripada perkara perniagaan.²⁴ Oleh itu, pengaplikasian akad *muḍārabah* pada produk Tabungan Haji merupakan perkara yang janggal, kerana tujuan sebenar para pelanggan ialah ingin mengumpulkan dana mereka untuk keperluan kos pelaksanaan rukun Islam yang kelima, iaitu ibadah haji dan bukan untuk perkara perniagaan yang tujuannya untuk memperoleh keuntungan.

²⁰ Chairuddin Syah Nasution, “Manajemen Kredit Syari’ah Bank Muamalat,” *Kajian Ekonomi Dan Keuangan*, Vol. 7, No.3, 84-99 (Sept. 2003), 84. A. Chairul Hadi, “Problematika Pembiayaan Mudharabah di Perbankan syariah Indonesia,” *Maslahah*, Vol. 2, no. 1 (Maret 2011), 13.

²¹ Para ulama berselisih tentang pengklasifikasian akad *muḍārabah*, “apakah ia termasuk jenis *mu‘āwadāt* atau termasuk jenis *mushārahāt*?”. Sila rujuk: Muhammad ‘Abdul Mun’im Abu Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Niẓām al-Muḍārabah fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah* (Kaherah: *al-Ma’had al-‘Ālamī li al-Fikri al-Islāmī*, 2000), 29. Ibrāhīm Jāsīm Jabbār al-Yāsiri, “*Ishkaliyyāt Taṭbīq ‘Aqd al- Muḍārabah fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah*” (Tesis Master Ilmu EKonomi, Fakulti Manajemen dan Ekonomi Universiti Kuffah, 2009), 27.

²² Gemala Dewi, *Aspek-Aspek Hukum Dalam Perbankan & Perasuransian Syariah di Indonesia* (Jakarta: Kencana, 2004), 19-20.

²³ Yusof Bin Ramli, “*Muḍārabah: Konsep dan Pemakaiannya Dalam Institusi Kewangan Islam di Malaysia*” (Tesis Doktor Falsafah Syariah, Jabatan Syariah Dan Ekonomi Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), vi. Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad, *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, UiTM, 2011, cet. ke-2), 113&155. Gemala Dewi, *Aspek-Aspek Hukum Dalam Perbankan & Perasuransian Syariah di Indonesia*, 19.

²⁴ Muhammad Syafi’i Antonio, *Bank Syariah Dari Teori ke Praktik*, 97. Syukri Iska, *Sistem Perbankan Syariah di Indonesia Dalam Perspektif Fikih Ekonomi*, 321 & 323.

Sebagaimana yang sudah diketahui, bahwa pada prinsipnya, akad *muḍārabah* merupakan akad yang bersifat komersial, di mana pelanggan selain berpeluang untuk mendapatkan keuntungan daripada perkongsian, ianya juga berisiko untuk mengalami kerugian (hilangnya modal) apabila terjadi kesilapan pengurusan dalam pengelolaan dana. Oleh itu, apabila dana haji disimpan oleh pihak bank dalam tabungan yang menggunakan akad *muḍārabah*, maka kemungkinan munculnya risiko kerugian akan dialami oleh para calon jemaah haji. Akhir sekali dana yang semestinya digunakan untuk menunaikan ibadah haji akan berkurang bahkan habis sehingga menyebabkan calon jemaah haji gagal pergi ke tanah suci pada waktu yang ditentukan.²⁵

Oleh itu, jika sememangnya konsep *muḍārabah* ini diaplikasikan pada produk TAHAROH, maka para pelanggan mesti sedia untuk menerima (menghadapi) pengurangan dana simpanan haji akibat risiko kerugian. Walau bagaimanapun, kefahaman yang sebenar mengenai akad *muḍārabah* juga perlu diketahui oleh pelanggan yang memilih produk TAHAROH sebagai sarana (*wasīlah*) untuk menunaikan ibadah haji. Kesemuanya ini diharapkan supaya tidak terjadi salah faham di antara pihak pelanggan dan pihak bank, dan juga agar tidak terjadi perkara-perkara buruk yang tidak dikehendaki oleh kedua-dua pihak yang berkontrak.

Dengan melihat permasalahan yang telah dipaparkan tadi, maka penulis berusaha untuk membuat kajian yang bertajuk “Aplikasi Akad *Muḍārabah* Dalam Produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi, Indonesia”.

²⁵ Ika Wahyuningsih, “Perlakuan Akuntansi Tabungan Haji,” 243-244.

1.4. Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah hukum fiqh muamalah berkaitan dengan pelaburan yang menggunakan prinsip *muḍārabah*?
2. Bagaimanakah pelaksanaan perbankan syariah di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS) di Indonesia, khususnya di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi?
3. Bagaimanakah pelaksanaan akad *muḍārabah* di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi, Indonesia?
4. Adakah aplikasi akad *muḍārabah* pada produk dana Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi, Indonesia selari dengan prinsip-prinsip Syariah?

1.5. Objektif Kajian

1. Mengkaji hukum fiqh muamalat berkaitan dengan pelaburan yang menggunakan prinsip *muḍārabah*.
2. Mengenal pasti pelaksanaan perbankan syariah di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS) di Indonesia, khususnya di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi.
3. Menjelaskan penerapan akad *muḍārabah* pada produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi, Indonesia.
4. Menganalisis adakah aplikasi akad *muḍārabah* pada produk dana Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi, Indonesia sesuai dengan prinsip-prinsip syariah.

1.6. Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan dengan mengambil kira beberapa kepentingan, iaitu:

1. Kajian ini diharap dapat menjelaskan hukum fiqh muamalah berkaitan dengan pelaburan yang menggunakan prinsip *muḍārabah*, sehingga ianya dapat memberikan kefahaman yang jelas kepada semua pihak yang berkontrak dalam akad *muḍārabah*.
2. Kajian ini diharap dapat memberikan penjelasan tentang pelaksanaan perbankan syariah di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS) di Indonesia, khususnya di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, sehingga ianya boleh dijadikan contoh untuk diterapkan pada Negara-Negara yang menerapkan prinsip syariah ke dalam institusi perbankan mereka.
3. Kajian ini diharap dapat menjelaskan pelaksanaan akad *muḍārabah* pada produk TAHAROH di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, sehingga ianya boleh dijadikan contoh untuk diaplikasikan pada institusi kewangan Islam yang lain, khususnya pada institusi perbankan.
4. Kajian ini diharap dapat memberikan hasil analisis yang jelas dan benar mengenai keselarian aplikasi *muḍārabah* pada produk TAHAROH di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi dengan prinsip-prinsip syariah.

1.7. Skop Kajian

Perbincangan yang berkenaan dengan produk Tabungan atau pengumpulan dana yang menggunakan akad *muḍārabah* amat luas untuk dibahas dan dikaji. Oleh itu, dalam kajian ini penulis menghadkan perbincangan ini pada keselarian konsep *muḍārabah* dan pengaplikasiannya pada produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di Bank

Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi dengan prinsip-prinsip Syariah.

Kajian ini hanya memfokuskan pada Produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) sahaja, di mana akad *muḍārabah* sebagai akad utama yang digunakan dalam kontraknya. Penulis melakukan kajian ini di Institusi Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi, yang terletak di Komplek Ruko Grand Mall Blok A 19-20, Jl. Jendral Sudirman Bekasi, 17143, Jawa Barat, Indonesia. Penulis memilih institusi tersebut sebagai tempat pelaksanaan kajian kerana ianya merupakan Institusi Perbankan yang tergolong dalam jenis Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS)/ *Islamic Rural Bank*, di mana ianya merupakan salah satu ahli kumpulan syarikat yang besar dan memiliki cawangan yang luas di beberapa daerah di Indonesia, terutama wilayah bandar raya, iaitu Grup Harta Insan Karimah (Grup HIK). Manakala lokasi Bekasi dipilih oleh penulis kerana ianya merupakan tempat di mana salah satu ahli syarikat Harta Insan Karimah (HIK) yang mempunyai cawangan yang banyak bertempat di Bekasi, Jawa Barat, Indonesia. BPRS HIK Bekasi yang terletak di Jalan Jendral Sudirman ini merupakan pejabat pusat, di mana ianya memiliki beberapa cawangan yang beroperasi di Jawa Barat dan Jakarta. Institusi ini hanya menawarkan akad *muḍārabah* pada produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH), tanpa memberikan pilihan dengan menawarkan akad *wadī'ah* pada produk tersebut.

1.8. Kajian Lepas

Bagi mendapatkan gambaran yang jelas mengenai kajian yang dijalankan, penyelidik telah merujuk terlebih dahulu kepada penulisan-penulisan yang sedia ada yang berkisar mengenai akad *muḍārabah* dan aplikasinya pada produk-produk institusi kewangan Islam. Oleh itu, untuk pencarian kajian-kajian lepas yang berhubungkait dengan tajuk

kajian kali ini, penulis akan mengklasifikasikan kajian-kajian tersebut kepada dua *trend* atau bentuk, iaitu:

1.8.1. Kajian Berkaitan Konsep *Muḍārabah* Kontemporari

Penulisan mengenai konsep akad *muḍārabah* kontemporari berkisar mengenai perubahan yang dialami dalam menafsirkan konsep akad *muḍārabah*, potensi dan peranannya pada hari ini. Konsep akad *muḍārabah* klasik yang sering digunakan dahulu hanyalah ditafsirkan sebagai akad perkongsian yang boleh diaplikasikan dalam transaksi yang sederhana, manakala konsep *muḍārabah* pada hari ini telah menggunakan konsep *muḍārabah* klasik dan kontemporari, yang telah diperluaskan kepada suatu akad yang mampu menggantikan sistem operasi institusi kewangan, khususnya perbankan, dari sistem faedah menjadi sistem perkongsian untung yang dibenarkan oleh syarak. Pengkaji seperti Muhammad ‘Abdu al-Mun‘im Abu Zayd²⁶ telah menerangkan mengenai perubahan tersebut dan keperluan kepada perubahan tersebut dalam mengoptimumkan pengaplikasiannya. Sehingga akad *muḍārabah* dapat digunapakai pada masa sekarang pada produk perbankan Islam dengan model yang sudah dikemaskini. Hal ini merupakan sebuah solusi agar umat Islam dapat meninggalkan amalan *ribawiyah* dan mula menggunakan produk-produk yang berasaskan syariah.

Tulisan yang membahaskan mengenai keperluan untuk pengubahsuaian akad *muḍārabah* sehingga ianya mampu berinteraksi dengan perubahan dan kemajuan sistem kewangan semasa, telah dikaji lebih dalam oleh Yusof Ramli²⁷. Beliau membahas mengenai kesesuaian akad *muḍārabah* dalam institusi kewangan semasa, di mana pembahasan tersebut terdiri daripada beberapa perbincangan, antaranya, akad *muḍārabah* sebagai alternatif dalam mekanisme pembekalan modal, *muḍārabah*

²⁶ Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im Abū Zayd, *Naḥwa Taṭwīr Nizām al-Muḍārabah fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah* (Kaherah: *al-Ma‘had al-‘Ālamī li al-Fikr al-Islāmī*, 2000).

²⁷ Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Institusi Kewangan Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA, 2008).

thunā'iyah atau *khāṣṣah* tidak dapat memenuhi keperluan pelaburan dalam institusi kewangan, *muḍārabah mushtarakah* sebagai satu pilihan yang boleh digunakan dalam aktiviti pelaburan semasa, serta syarat dan jaminan kawalan modal *muḍārabah mushtarakah*. Salah satu kesimpulan yang utama dalam kajian ini iaitu bahawa akad *muḍārabah* boleh dijadikan suatu alat dalam sistem pembekalan modal untuk tujuan perniagaan dan perusahaan. Namun, untuk menyesuaikan dengan perniagaan dalam institusi kewangan khususnya bank dan syarikat-syarikat pelaburan, maka *muḍārabah* yang harus dipakai ialah dalam bentuk *muḍārabah mushtarakah*, dan bukan dalam bentuk *muḍārabah thunā'iyah* atau *khāṣṣah* seperti yang dipegang oleh para *fuqahā'* terdahulu.²⁸ Dalam karyanya, beliau juga membahas mengenai pelaksanaan akad *muḍārabah* yang digunakan pada produk-produk institusi kewangan Islam di Malaysia.

Ibrāhīm Jāsim Jabbār al-Yāsiri²⁹ telah membahas mengenai pembaharuan akad *muḍārabah* dalam pengaplikasiannya di perbankan syariah. Dalam kajian ini, beliau memberikan beberapa kesimpulan di antaranya bahawa konsep akad *muḍārabah* dengan pemahaman klasiknya, sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak dan dijelaskan oleh para ulama, nampaknya tidak mampu untuk diaplikasikan pada perbankan syariah hari ini, kerana ianya masih tidak selari dengan sistem perbankan semasa. Begitu juga adanya peluang dan kemungkinan bagi para *muḍārib* untuk bermain-main dalam transaksi tersebut. Oleh itu, sangat diperlukan adanya pembaharuan dalam konsep *muḍārabah*, di mana ianya harus diperkembangkan lagi, agar ia mampu berinteraksi dengan sistem perbankan semasa, sehingga akad *muḍārabah* boleh diketengahkan kembali dengan kaedah yang baru.³⁰

²⁸ *Ibid.*, 62.

²⁹ Ibrāhīm Jāsim Jabbār al-Yāsiri, “*Ishkaliyyāt Taṭbīq ‘Aqd al-Muḍārabah fī al-Maṣārif al-Islāmiyyah*” (Tesis Master Ilmu EKonomi, Fakulti Manajemen dan Ekonomi Universiti Kuffah, 2009).

³⁰ *Ibid.*, 155.

Melihat sejarah awal perkembangan Islam, akad *muḍārabah* yang sering digunakan pada zaman Nabi Muhammad *ṣallā Allāh ‘alayh wa sallam* hanyalah diaplikasikan pada aktiviti perniagaan dan bukan pada aktiviti lainnya seperti perusahaan pembuatan/industri perkilangan, pertanian dan perkhidmatan. Namun penggunaan akad *muḍārabah* pada hari ini tidak lagi terhad pada bidang perniagaan sahaja, ianya juga telah digunapakai pada aktiviti perkilangan, pertanian dan perkhidmatan, di mana perkara ini (dianggap oleh sebahagian sarjana) telah bercanggah dengan ketentuan yang sedia ada. Kajian yang membahaskan mengenai perkara ini telah ditulis oleh S. M. Hasanuz Zaman³¹ dan Yusof Ramli³². Yusof Ramli menyimpulkan bahawa terdapat sedikit perbezaan antara para *fuqahā’* mazhab sunni mengenai bidang pekerjaan yang boleh dilakukan dengan menggunakan modal *muḍārabah*. Namun mereka semua sepakat bahawa bidang perniagaan merupakan pekerjaan utama yang boleh dilakukan dengan menggunakan modal melalui kaedah *muḍārabah*.³³ Didapati juga bahawa ternyata yang mengharuskan dan juga yang tidak mengharuskan bermuḍārabah dalam aktiviti ekonomi yang bukan perniagaan adalah bersandarkan kepada ijthad dan amalan (adat) masyarakat masing-masing. Adat kebiasaan menjadi alasan penentuan hukumnya. Oleh yang demikian, maka menurut beliau di zaman ini lebih kuat alasan untuk mengharuskannya, kerana di samping ia boleh dibiasakan dan seterusnya menjadi adat, ianya juga merupakan suatu keperluan dalam memperolehi *maṣlahah* manusia.³⁴ Namun S. M. Hasanuz Zaman mempunyai pendapat yang berbeza daripada pendapat Yusof Ramli. Menurut S. M. Hasanuz Zaman, pengaplikasian akad *muḍārabah* dalam aktiviti selain perniagaan merupakan perkara yang bercanggah dengan aturan fiqh yang sedia ada, di mana sejarah membuktikan bahawa akad

³¹ S. M. Hasanuz Zaman, “Mudarabah in Non-Trade Operations,” *JKAU: Islamic Econ.*, Vol. 2 (1410/1990, 69-87).

³² Yusof Ramli, *Muḍārabah Dalam Fiqh Islam* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA, 2008).

³³ *Ibid.* 152.

³⁴ *Ibid.*

muḍārabah selalunya hanya digunapakai pada aktiviti perniagaan.³⁵ Selain daripada pembahasan ini, Yusof Ramli juga banyak membahas mengenai konsep akad *muḍārabah* yang telah dibincangkan oleh para *fuqahā'* dahulu dalam fiqh muamalah Islam.

Potensi *muḍārabah* dalam memajukan sistem operasi institusi kewangan Islam amatlah besar, di mana ianya merupakan sebuah perkara asas untuk menubuhkan perekonomian Islam semasa. Sistem *muḍārabah* telah mampu merubah operasi perbankan yang berasaskan faedah/bunga menjadi sistem yang berasaskan keadilan serta jauh dari kezaliman. Banyak kesan positif yang telah dihasilkan oleh sistem *muḍārabah* terhadap institusi kewangan Islam, serta banyak manfaat yang dapat diperoleh oleh para pelanggan dalam menggunakan akad *muḍārabah* sebagai sistem operasi dalam sesebuah transaksi. Perbincangan ini telah dipaparkan dalam kajian yang ditulis oleh Zayd Muḥammad al-Rummānī³⁶. Dalam kajiannya, beliau juga membahas mengenai akad *muḍārabah* dalam fiqh muamalah Islam serta kesahihan (*validity*) pelaksanaannya pada sistem operasi perbankan semasa. Beliau sangat mengambil berat kepada umat Islam yang masih ramai berinteraksi dengan faedah *ribawiyyah*, walhal Islam telah memberikan solusi bagi menggantikan sistem faedah dengan sistem *muḍārabah*.³⁷ Oleh itu, sepatutnya perbankan Islam berjumlah lebih banyak dan lebih maju di negara berpenduduk majoriti umat Islam berbanding dengan perbankan konvensional yang berasaskan sistem faedah.

³⁵ Hasanuz Zaman, "Mudarabah in Non-Trade Operations", 69.

³⁶ Zayd Muḥammad al-Rummānī, "Aqd al-Muḍārabah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Madā Taṭbīq Ahkāmih fī al-Maṣārif wa Buyūt al-Islāmiyyah," *Journal of Shari'a and Islamic Studies*, Volume 12, no. 37 (Dhulhijjah 1419/ April 1999, 207-283).

³⁷ Sila rujuk: *Ibid.* 208.

Manakala dari aspek peranannya, Dwi Agung Nugroho Arianto³⁸ membahas mengenai peranan akad *muḍārabah* dalam keberkesanan mengurangi dan menghapuskan permasalahan kemiskinan yang dialami oleh bangsa Indonesia. Menurutnya, usaha penghapusan kemiskinan dapat dilakukan dengan memperluas akses Industri Mikro, Kecil dan Menengah dalam mendapatkan kemudahan permodalan yang tidak hanya bersumber daripada perbankan konvensional dan koperasi, tetapi ianya juga boleh didapati daripada perbankan syariah. Berasaskan prinsip dasar produknya, bank syariah sebenarnya memiliki *core product* pembiayaan berprinsip kongsi untung, yang dikembangkan dalam produk pembiayaan *muḍārabah*. Pembiayaan ini bersifat produktif kerana dilaburkan untuk penyediaan modal kerja sehingga dapat memperkasakan perekonomian masyarakat kecil melalui Industri Mikro, Kecil, dan Menengah. Pemerksaan industri kecil merupakan salah satu cara untuk membuka lapangan kerja baru yang boleh meningkatkan pendapatan masyarakat dan mengurangi pengangguran atau kemiskinan. Pembiayaan *muḍārabah* dengan prinsip kongsi untung dapat memberikan kesan positif terhadap perkembangan sektor nyata (*sector real*), khasnya Usaha mikro, Kecil dan Menengah (UMKM) yang menjadi kayu ukur kemajuan perekonomian negara melalui aktiviti pelaburan.

1.8.2. Kajian Berkaitan Akad *Muḍārabah* Dalam Produk-Produk Perbankan Syariah dan Institusi Kewangan Lainnya

Penulisan dan kajian yang berkaitan dengan akad *muḍārabah* dalam produk-produk perbankan syariah dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang menjadi fokus utamanya, iaitu akad *muḍārabah* pada produk pembiayaan, dan akad *muḍārabah* dalam produk pengumpulan dana. Mengenai akad *muḍārabah* dalam produk pembiayaan

³⁸ Dwi Agung Nugroho Arianto, "Peranan Al-Mudharabah Sebagai Salah Satu Produk Perbankan Syariah Dalam Upaya Mengentaskan Kemiskinan Di Indonesia," *Jurnal Ekonomi & Pendidikan*, Volume 8 no. 2 (November 2011, 164-185).

kajian yang berkaitan mengenainya sudah banyak dilaksanakan di mana-mana tempat, terutama kajian yang dilaksanakan di Indonesia.

Risma Nur Arifah³⁹ coba meneliti bagaimana konsep pengembangan modal berasaskan pembiayaan *muḍārabah* serta aplikasinya dalam produk pembiayaan dalam sistem operasi bank Islam di Indonesia. Pada dapatan kajian, penulis mendapati bahawa *muḍārabah* ialah salah satu model yang digunakan dalam pengembangan modal dengan prinsip kongsi untung yang memiliki beberapa keunggulan, antaranya, ianya mengandungi unsur sosial, iaitu tolong-menolong antara sesama saudara dalam kebajikan, serta terhindar dari unsur-unsur yang dilarang oleh agama, seperti kezaliman dan penipuan. Namun, keunggulan model tersebut tidak dapat terlaksana jika diterapkan dalam masyarakat yang belum Islami, maksudnya individu itu sendiri masih belum lagi memiliki moraliti ke-Islaman sebenar, seperti sifat amanah (atau sikap saling percaya), kerana sifat amanah sangat berpengaruh terhadap kewujudan dan kelancaran transaksi dengan prinsip *muḍārabah*. Menurut beliau, untuk melihat sejauh mana kesesuaian aplikasi *muḍārabah* untuk masyarakat kita hari ini, ianya dapat dilihat pada sejauhmana keberkesanan bank-bank Islam yang berprinsip *muḍārabah* dalam mengelola dana masyarakat.

Zaenal Arifin⁴⁰ membahas mengenai realisasi pelaksanaan akad *muḍārabah* yang digunakan dalam produk pembiayaan di bank syariah mengikut perspektif hukum Islam, dan juga memaparkan permasalahan yang dihadapi oleh bank syariah dalam mengaplikasikan sistem *muḍārabah* pada produk pembiayaan, serta cara penyelesaian permasalahan tersebut. Beliau menumpukan kajiannya pada Bank Muamalat Indonesia Cabang (Cawangan) Semarang. Berasaskan hasil penelitian, beliau menyimpulkan

³⁹ Risma Nur Arifah, "Akad Mudharabah Dalam Produk Pembiayaan Bank Syariah," *de Jure, Jurnal Syariah dan Hukum*, Volume 3 No. 1, 11-23 (Juni 2011), 11.

⁴⁰ Zaenal Arifin, "Realisasi Akad Mudharabah Dalam Rangka Penyaluran Dana Dengan Prinsip Bagi Hasil di Bank Muamalat" (Tesis Master Kenotariatan Universiti Diponegoro Semarang, 2007).

bahawa, pertama, realisasi akad *muḍārabah* yang dilaksanakan di Bank Muamalat Indonesia Cabang Semarang sesuai dengan hukum Islam kerana ianya sudah memenuhi syarat-syarat sahnya akad. Kedua, permasalahan yang dihadapi oleh Bank Muamalat Indonesia Cabang Semarang dalam mengaplikasikan akad *muḍārabah* terjadi ketika *muḍārib* (pelanggan produk pembiayaan) hanya dapat mengembalikan modal diluar had ketentuan yang telah ditetapkan, biasanya lebih kecil daripada yang diminta oleh *sāhib al-māl* (bank). Usaha Bank Muamalat Indonesia Cabang Semarang dalam mencegah dan meminimumkan terjadinya permasalahan ini, ialah dengan cara pengawalan pendapatan dan pengawalan projek. Permasalahan lainnya yang dihadapi oleh Bank Muamalat Indonesia Cabang Semarang terjadi ketika *muḍārib* (pelanggan produk pembiayaan) melakukan reaksi menyimpang ke atas kontrak *muḍārabah* yang telah disepakati. Usaha Bank Muamalat Indonesia Cabang Semarang dalam mencegah dan meminimumkan terjadinya permasalahan ini, ialah dengan cara penyaringan ke atas projek yang akan dilakukan serta penyaringan terhadap calon pelanggan yang mengajukan permohonan pembiayaan, dan membuat kontrak lengkap yang mengandungi tempoh waktu, nisbah kongsi untung, serta penyerahan jaminan kepada pihak bank.

Helmi Ismail Sani⁴¹ membahas mengenai pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam produk pembiayaan modal kerja serta menganalisis halangan dan peluang pembiayaan modal kerja dengan prinsip *muḍārabah* di Bank BPD DIY Cabang Syariah. Kemudian beliau memaparkan solusi yang dilakukan oleh pihak bank bagi mengatasi halangan-halangan yang dihadapi oleh pihaknya dalam menerapkan sistem *muḍārabah* pada produk pembiayaan modal kerja. Hasil dapatan kajian, beliau menyimpulkan bahawa pertama, pembiayaan *muḍārabah* di Bank BPD DIY Syariah hanya diperuntukkan

⁴¹ Helmi Ismail Sani, "Implementasi Pembiayaan Mudharabah Untuk Modal Kerja (Studi Kasus Di Bank BPD DIY Cabang Syariah)", (Tesis Master Studi Islam, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2010).

untuk pembiayaan modal kerja sahaja. Manakala kedudukan pembiayaan *muḍārabah* di Bank BPD DIY Syariah memperoleh posisi yang cukup tinggi iaitu 41.3% (2008), 26.8% (2009) dan 30.6% (april 2010) dari jumlah keseluruhan produk pembiayaan yang diberikan kepada pelanggan. Kedua, beliau mendapati beberapa masalah pada pembiayaan *muḍārabah*, iaitu masalah moral, masalah biaya, masalah teknikal dan masalah keengganan pelanggan untuk berkongsi keuntungan. Untuk meminimumkan masalah moral pelanggan yang mengajukan produk pembiayaan, maka Bank BPD DIY Syariah melakukan analisis 5 C iaitu *character* (watak), *capacity* (kemampuan), *capital* (Modal), *collateral* (jaminan), *condition of economy* (keadaan ekonomi), menerapkan *incentive-compatible constraints* dan *screening attribute* (penyaringan terhadap calon pelanggan dan projek yang akan dibiayai). Untuk mengatasi masalah biaya, bank memilih memberikan pembiayaan dengan jangka waktu yang pendek dan lebih menekankan pengawalan secara *off-site*, sedangkan *on-site monitoring* dilakukan secara berkala. Untuk mengatasi masalah teknikal, bank memberikan kursus kepada para pekerjanya dan juga memberikan kursus membuat laporan kewangan kepada para pelanggan. Untuk mengatasi pelanggan yang enggan melakukan pembahagian keuntungan, bank menerapkan sistem *net revenue sharing*⁴². Ketiga, peluang pembiayaan modal kerja untuk meningkatkan pembiayaan *muḍārabah* cukup baik memandangkan pembiayaan modal kerja memiliki jangka waktu yang singkat. Namun demikian, masih ada halangan dalam peningkatan pembiayaan *muḍārabah* ini. Halangan utama adalah masyarakat Indonesia telah terbiasa memanfaatkan perkhidmatan perbankan konvensional yang berasaskan faedah. Hubungan yang sudah

⁴² Mekanisme pengiraan pembahagian hasil terdiri daripada dua bentuk, iaitu pertama, *profit sharing* (kongsi untung bersih), iaitu pengiraan kongsi untung yang berasaskan kepada hasil bersih daripada keseluruhan pendapatan setelah dikeluarkan segala kos yang dikeluarkan untuk memperoleh pendapatan tersebut. Kedua, *revenue sharing* (kongsi pendapatan), iaitu pengiraan kongsi untung yang berasaskan kepada keseluruhan pendapatan yang diterima sebelum dikurangi kos-kos yang telah dikeluarkan untuk memperoleh pendapatan tersebut. sila rujuk: Syukri Iska, *Sistem Perbankan Syariah Di Indonesia*, 113.

lama ini menyebabkan bank syariah lebih mengutamakan pembiayaan yang *fixed return* (yang hampir sama dengan faedah) yaitu *murābahah*.

Manakala Ayu Nurhasanah⁴³ lebih menekankan pada aspek pelaksanaan perjanjian yang terdapat dalam pembiayaan *mudārabah*. Beliau menumpukan kajiannya di Bank Syariah Mandiri Cabang (Cawangan) Pontianak. Dalam dapatan kajian, beliau mendapati bahawa, pertama, dalam pemberian modal pada umumnya, bank menggunakan jenis pembiayaan *mudārabah muqayyadah*. Kedua, dalam pelaksanaan perjanjian pembiayaan modal berasaskan prinsip kongsi untung, PT Bank Syariah Mandiri Cabang Pontianak melakukan tindakan pencegahan (*prudential principle*) yang berpegang pada prinsip 5 C iaitu *character* (watak), *capacity* (kemampuan), *capital* (Modal), *collateral* (jaminan), *condition of economy* (keadaan ekonomi), dan ditambah dengan 7 aspek iaitu hukum, pengurusan, teknik, pemasaran, kewangan, sosial, ekonomi dan jaminan) serta aspek syariah. Ketiga, pada prinsipnya dalam pembiayaan *mudārabah* dapat dilakukan tanpa perlu adanya jaminan daripada pihak pelanggan, namun untuk mengelakkan terjadinya sebarang penyelewengan daripada pihak pelanggan dan untuk mengurangi risiko maka pihak bank akan meminta jaminan daripada pihak pelanggan untuk menyanggupi pengembalian modal pembiayaan sesuai dengan kesepakatan. Manakala untuk penyelesaian ke atas pembiayaan berasaskan prinsip kongsi untung yang bermasalah, maka pihak bank melakukan beberapa langkah, iaitu pertama, langkah keselamatan, apabila modal pembiayaan masih ada harapan kembali kepada bank, maka dilakukan *take over* (mengambil alih) aktiviti usaha oleh bank. Kedua, langkah penyelesaian, apabila pengembalian modal pembiayaan kepada bank tidak memungkinkan lagi, maka pihak bank membuat aduan ke pihak Mahkamah Negara/ Mahkamah Niaga atau melalui jalur Badan Arbitrase Nasional Indonesia

⁴³ Ayu Nurhasanah, "Pelaksanaan Perjanjian Pembiayaan Dengan Prinsip Bagi Hasil (Al-Mudharabah) Pada Bank Syari'ah Mandiri Cabang Pontianak", (Tesis Sarjana, Program Studi Master Kenotariatan, Universiti Diponegoro, Semarang, 2005).

(BANI) bagi masyarakat umum, khususnya bagi yang bukan muslim, atau Badan Arbitrase Syariah Nasional (BASYARNAS) bagi umat Islam apabila terjadi persengketaan di antara mereka. Pelanggan yang menundakan pembayaran atau enggan membayar hutang akan dikenakan hukuman atas prinsip *ta'zir*. Hal ini bertujuan agar pelanggan lebih berdisiplin dalam melaksanakan kewajibannya. Hukuman tersebut boleh dikenakan dalam bentuk wang yang jumlahnya ditentukan atas dasar kesepakatan, dan dibuat ketika akad ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

Selain itu, para pengkaji lain ada yang lebih menekankan kajian mereka kepada aspek sumbangan akad *muḍārabah* terhadap institusi perbankan Islam dan pengaruh yang dihasilkan dalam pengaplikasian akad *muḍārabah* pada suatu produk perbankan Islam. Antaranya, kajian yang ditulis oleh Siti Ita Rosita⁴⁴, Siti Ita Rosita dan Abdul Rahman⁴⁵. Penelitian yang dijalankan ini bertujuan untuk menganalisis penerapan pembiayaan *muḍārabah* dan pengaruhnya terhadap laba perusahaan di sebuah bank syariah. Penelitian dilakukan di PT Bank Muamalat Indonesia Tbk Cabang (Cawangan) Bogor. Hasil daripada penelitian ini menunjukkan bahawa pembiayaan *muḍārabah* di PT Bank Muamalat Indonesia Tbk Cabang Bogor diberikan dalam bentuk modal kerja berupa wang tunai dan harta benda. Nisbah kongsi untung pembiayaan *muḍārabah* ditentukan ketika akad dibuat, mengikut kesepakatan kedua-dua pihak. Manakala cara pengiraan yang digunakan dalam pembahagian keuntungan, iaitu dengan menggunakan metode *revenue sharing*. Daripada hasil penelitian, didapati juga bahawa PT Bank Muamalat Indonesia Tbk Cabang Bogor telah menerapkan pembiayaan *muḍārabah* persesuaian dengan Asas Perakaunan Perbankan syariah Indonesia dan PSAK No 105⁴⁶.

⁴⁴ Siti Ita Rosita, "Studi Pembiayaan Mudharabah Dan Laba Perusahaan Pada PT Bank Muamalat Indonesia Tbk. Cabang Bogor," *Jurnal Ilmiah Kesatuan*, No. 1 Volume 14, 101-111 (April 2012).

⁴⁵ Ita Rosita dan Abdul Rahman "Evaluasi Penerapan Pembiayaan Mudharabah Dan Pengaruhnya Terhadap Laba Perusahaan Studi Kasus pada PT Bank Muamalat Indonesia Tbk, Cabang Bogor," *Jurnal Ilmiah Ranggagading*, Volume 11 no. 1, 57-64 (April 2011).

⁴⁶ PSAK No 105 merupakan singkatan daripada Pernyataan Standard Akuntansi (Perakaunan) Kewangan No. 105 tentang Akuntansi *Muḍārabah*. Pernyataan Standard Akuntansi Kewangan No. 105: Akuntansi

Pendapatan pembiayaan *muḍārabah* memiliki pengaruh terhadap peningkatan atau penurunan laba PT Bank Muamalat Indonesia Tbk Cabang Bogor, di mana berasaskan laporan kewangan Bank Muamalat Indonesia tahun 2007-2008, dapat diketahui bahawa pembiayaan *muḍārabah* memberikan sumbangan yang cukup besar terhadap peningkatan laba PT Bank Muamalat Indonesia Tbk, Cabang Bogor. Laba bersih yang diperoleh bank pada tahun 2007 iaitu sebesar Rp 145,324,930,000.00 yang kemudiannya meningkat pada tahun 2008 menjadi Rp 207,210,886,000.00.

Sudah menjadi hal yang lazim jika suatu sistem dalam operasi perusahaan mempunyai permasalahan tertentu, tidak terkecuali juga dalam sistem *muḍārabah* yang diaplikasikan pada produk pembiayaan di perbankan syariah. A. Chairul Hadi⁴⁷ mengkaji mengenai permasalahan-permasalahan yang terdapat pada sistem *muḍārabah* yang diaplikasikan dalam skim pembiayaan di perbankan syariah, serta juga membahas mengenai solusi-solusi yang dianggap dapat menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Dalam dapatan kajian, beliau mendapati bahawa sistem perkongsian untung (*muḍārabah*) merupakan ciri khas operasi perbankan syariah dalam usaha untuk mengelakkan amalan faedah/bunga. Tingginya risiko yang disebabkan oleh kecuaiannya pelanggan produk pembiayaan (*muḍārib*) dan kurangnya kesediaan sumber manusia di perbankan syariah merupakan salah satu faktor yang menjadikan kadar pembiayaan kepada masyarakat lebih banyak dalam bentuk pembiayaan jual beli (*murābahah*) berbanding dengan pembiayaan modal (*muḍārabah*). Dalam mengoptimumkan pembiayaan *muḍārabah* ini, terdapat ketentuan dan syarat yang boleh dilakukan oleh pihak bank kepada pihak pelanggan, antaranya pertama, mewajibkan penyerahan jaminan berbentuk *fixed asset* atau adanya lembaga penjamin yang menanggung.

Muḍārabah telah disahkan oleh Dewan Standar Akuntansi Kewangan pada tanggal 27 Juni 2007. Sila rujuk: Dewan Standar Akuntansi, *Pernyataan Standar Akuntansi Keuangan No. 105: Akuntansi Mudharabah* (Jakarta: Dewan Standar Akuntansi Keuangan Ikatan Akuntan Indonesia, Graha Akuntan, Juni 2007).

⁴⁷ A. Chairul Hadi, "Problematika Pembiayaan Mudharabah Di Perbankan syariah Indonesia," *Maslahah*, Vol. 2, no. 1 (Maret 2011).

Kedua, menetapkan nisbah maksimum kos operasi serta melakukan pembahagian keuntungan berasaskan metode *profit and loss sharing*.

Andy Fathur Rahman⁴⁸ mencuba membahas lebih dalam lagi mengenai *moral hazard* di mana ianya merupakan salah satu faktor penghalang pelaksanaan sistem *muḍārabah* pada produk pembiayaan. Dalam kajiannya beliau berusaha untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya *moral hazard*⁴⁹ (bahaya moral) yang dilakukan oleh pelanggan produk pembiayaan *muḍārabah*. Menurut beliau apabila faktor-faktor penyebab terjadinya *moral hazard* pelanggan pembiayaan *muḍārabah* dapat diketahui dan ditemukan, maka diharapkan bank syariah boleh meningkatkan jumlah portfolio pembiayaan *muḍārabah* yang merupakan ciri khas perbankan syariah.

Tindakan pencegahan (*prudential principle*) oleh pihak bank syariah diperlukan untuk mengelakkan daripada perkara-perkara yang tidak diingini dalam pelaksanaan sistem *muḍārabah* yang diamalkan dalam produk pembiayaan. Pengkaji yang telah membahaskan mengenai konsep ini ialah Upia Rosmalinda⁵⁰. Beliau memaparkan bahawa tindakan pencegahan (*prudential principle*) sangat diperlukan dalam perbankan. Hal ini disebabkan kerana terdapat risiko yang amat tinggi dalam melakukan pemberian pembiayaan sebagai usaha utama perbankan. Jumlah nisbah pembiayaan bermasalah Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS) di Indonesia masih berada dalam tahap yang cukup tinggi berbanding dengan Bank Umum Syariah (BUS), iaitu 4.10 peratus. Walaupun masalah dalam pembiayaan bukan perkara yang baru di lembaga kewangan, namun jika ianya tidak diselesaikan secara profesional maka pembiayaan tersebut akan

⁴⁸ Andy Fathur Rahman, "Analisis Faktor Yang Menyebabkan Terjadinya Moral Hazard Nasabah Pembiayaan Mudharabah: Studi Penelitian di BTN Syariah Cabang Solo" (Tesis Master Studi Islam, UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2010).

⁴⁹ Iaitu masalah yang dihadapi oleh pihak bank selepas pembiayaan dilakukan, di mana terdapat risiko bahawa pelanggan berkemungkinan menggunakan dana yang diberikan oleh pihak bank tidak pada tempat yang sepatutnya dan pelanggan berkemungkinan akan melaporkan hasil yang diperolehi tidak sesuai dengan realitinya.

⁵⁰ Upia Rosmalinda, "Prinsip Kehati-Kehatian Dalam Persepektif Pencegahan Pembiayaan Mudharabah Bermasalah di BPRS Bumi Rinjani Malang" (Tesis Master Studi Islam, UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2011).

memberikan pengaruh yang merugikan (buruk). Beliau menumpukan kajiannya pada BPRS Bumi Rinjani Malang. Beliau menganalisis seberapa besar pembiayaan *muḍārabah* yang bermasalah di BPRS Bumi Rinjani Malang, apa faktor penyebab adanya pembiayaan *muḍārabah* yang bermasalah, dan bagaimana pengaruh penerapan tindakan pencegahan (*prudential principle*) dalam mengurangi pembiayaan *muḍārabah* yang bermasalah. Hasil kajian, beliau mendapati bahawa BPRS Bumi Rinjani Malang memiliki kadar pembiayaan bermasalah selama tiga tahun, iaitu sebesar 6.5 % dari jumlah realisasi pembiayaan tahun 2008, 7.83 % daripada jumlah realisasi pembiayaan tahun 2009, dan 3.23 % daripada jumlah realisasi pembiayaan tahun 2010. Terdapat beberapa masalah yang berkaitan dalam pembiayaan berkonsepkan *muḍārabah*, iaitu masalah *moral hazard* dan *asymmetric information*⁵¹ serta keengganan pelanggan (*muḍārib*) untuk berkongsi untung, ini terjadi akibat pengawasan yang rendah dan kelonggaran dalam penyaringan. Penerapan prinsip pencegahan (*prudential principle*) pada BPRS Bumi Rinjani Malang dengan cara iaitu, pertama, mengenali pelanggan melalui konsep 5 C iaitu *character* (watak), *capacity* (kemampuan), *capital* (Modal), *collateral* (jaminan), *condition of economy* (keadaan ekonomi)). Kedua, melakukan penyaringan terhadap calon pelanggan dan projek yang akan dibiayai, serta lebih menumpukan pengawalan secara *off-site* berbanding *on-site monitoring*. Untuk mengatasi pelanggan yang enggan berkongsi untung, maka pihak bank menetapkan sistem *net revenue sharing*⁵².

⁵¹ *Asymmetric information* adalah perbezaan informasi yang berlaku antara pihak bank syariah dan pelanggan, dalam hal ini pelanggan lebih banyak mengetahui tentang keadaan usaha yang dijalankannya berbanding dengan pihak bank syariah, sehingga kemungkinan terjadinya penyelewengan yang dilakukan oleh pelanggan sangat besar.

⁵² yakni kaedah pembahagian keuntungan yang dihitung daripada pendapatan setelah ditolak modal (*ra'su al-māl*).

Manakala dari aspek pelaksanaan sistem kongsi untung telah ditulis oleh Junaidi⁵³. Beliau membahas mengenai bagaimana prosedur pelaksanaan sistem kongsi untung dalam penyerahan dana *muḍārabah* yang terdapat pada Bank Syariah Mandiri Kudus. Hasil daripada kajian yang didapati di lapangan, bank sebagai pembekal modal (*sāhib al-māl*) tidak mahu rugi atas dana yang disalurkan kepada pelanggan yang memohon pembiayaan modal kerja. *Sāhib al-māl* juga masih mempersoalkan kejujuran *muḍārib* dalam hal penentuan jumlah pendapatan yang mesti dijadikan objek nisbah kongsi untung. Sistem pembahagian *revenue sharing* menjadi kaedah dalam perkongsian keuntungan pada pembiayaan modal kerja di Bank Syariah Mandiri.

Manakala kajian mengenai akad *muḍārabah* yang digunapakai pada produk pengumpulan dana, telah banyak dilakukan di pelbagai tempat, khususnya di Indonesia. Antara kajian yang sedia ada berkaitan hal ini telah ditulis oleh Sarwedi Hasibuan⁵⁴, di mana beliau menganalisis aplikasi akad *muḍārabah* dan *musharakah* pada produk pembiayaan dan pengumpulan dana. Kajian ini menumpukan pembahasan tentang akad *muḍārabah* dan *musharakah* dari sudut konsep seperti yang dikemukakan oleh para *fuqahā'* dalam kajian fiqh mereka yang berasaskan daripada al-Qur'an dan Hadith, serta perbincangan tentang pelaksanaan kedua-dua akad ini dalam produk-produk Bank Muamalat Indonesia (BMI) di Jakarta. Kesimpulan dalam kajian ini didapati bahawa dalam amalan Bank Muamalat Indonesia (BMI) akad *muḍārabah* dan *musharakah* merupakan instrumen utama bagi sistem kongsi untung. Selain daripada itu, Bank Muamalat Indonesia (BMI) juga mengamalkan prinsip *muḍārabah* dalam produk pengumpulan dana menerusi akaun simpanan dan akaun semasa. Manakala dalam produk pembiayaan sama ada pembiayaan ke atas modal kerja mahupun pelaburan

⁵³ Junaidi, "Pelaksanaan Bagi Hasil Dalam Penyaluran Dana Mudharabah Pada Bank Syariah Mandiri: Study Di Bank Syariah Mandiri Kudus" (Tesis Master Kenotariatan, Universiti Diponegoro, Semarang, 2006).

⁵⁴ Sarwedi Hasibuan, "Aplikasi Al-Mudharabah Dan Al-Musyarakah Dalam Produk-Produk Perbankan Islam: Kajian Di Bank Muamalat Indonesia, Jakarta" (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

husus yang selari dengan prinsip syariah Bank Muamalat Indonesia (BMI) mengamalkan pembiayaan berasaskan prinsip *muḍārabah* dan *musharakah*.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Annaria M Marpaung dan Siti Ita Rosita⁵⁵ lebih menekankan pada aspek perakaunan. Kajian tersebut membahaskan tentang sumber pendanaan *muḍārabah* pada PT. Bank Jabar Banten Syariah Cabang (Cawangan) Bogor, pelaksanaan perakaunan pendanaan *muḍārabah* pada PT. Bank Jabar Banten Syariah Cabang Bogor, serta menganalisis keselarian pelaksanaan perakaunan pada PT. Bank Jabar Banten Syariah Cabang Bogor dengan Pernyataan Standard Perakaunan Kewangan (PSAK 105: Perakaunan *Muḍārabah*). Terdapat beberapa hasil kesimpulan daripada kajian ini antaranya, iaitu pelaksanaan perakaunan yang diterapkan oleh PT. Bank Jabar Banten Syariah Cabang Bogor secara umum dapat dikatakan telah terlaksana dengan baik mengikut aturan dan ketentuan yang telah ditetapkan, iaitu PSAK No. 105.

Manakala kajian-kajian ilmiah yang membincangkan mengenai pelaksanaan akad *muḍārabah* yang digunapakai dalam institusi kewangan Islam selain perbankan telah ditulis oleh para pengkaji semasa, antaranya, kajian yang ditulis oleh Marhadi⁵⁶. Beliau membahas mengenai akad *muḍārabah* dan pelaksanaannya dalam produk takaful am di PT Asuransi Takaful Umum Jakarta, Indonesia. Kajian ini memfokuskan kepada kaedah pelaksanaan, pengiraan keuntungan serta beberapa isu berkaitan dalam konteks takaful. Daripada kajian yang dijalankan, didapati kesimpulan bahawa PT. Asuransi Takaful Umum memiliki sistem akad *muḍārabah* yang selari dengan syariat Islam yang menjamin sistem keadilan, saling menguntungkan dan menjauhi daripada unsur-unsur

⁵⁵ Annaria M Marpaung dan Siti Ita Rosita, "Analisis Perlakuan Akuntansi Pendanaan Mudharabah Dalam Kaitannya Dengan PSAK 105 Pada PT. Bank Jabar Banten Syariah," *Jurnal Ilmiah Ranggading*, Volume 12, no. 2, 110-118 (Oktober 2012).

⁵⁶ Marhadi, "Kajian Aplikasi Akad Mudarabah Di PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta, Indonesia" (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

ribā, *gharar*, *maysir*, kezaliman dan penipuan, di mana perkara-perkara tersebut boleh merugikan pihak lain.

Selanjutnya kajian secara menyeluruh tentang pelaksanaan *muḍārabah* dalam institusi kewangan di Malaysia dilakukan oleh Yusof Bin Ramli⁵⁷. Beliau menjelaskan tentang pandangan *fuqahā'* dari pelbagai mazhab *Sunni* mengenai kontrak *muḍārabah* dengan mengenal pasti antara pandangan ahli-ahli *fiqh* yang lebih sesuai dengan keadaan semasa. Kajian ini juga cuba menilai sejauh mana kesesuaian *muḍārabah* untuk digunapakai dalam pengurusan kewangan moden serta mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan *muḍārabah* tidak dapat dilaksanakan dengan meluas dalam pembekalan modal untuk membiayai aktiviti perekonomian, khususnya dalam kegiatan ekonomi pada skala yang besar. Beliau menyimpulkan bahawa kontrak *muḍārabah* adalah suatu kontrak *mu'āwadah* iaitu kontrak yang ada balasan, bukan kontrak *tabarru'* iaitu kontrak sukarela. Para ahli-ahli *fiqh* sepakat bahawa harta modal *muḍārabah* di tangan *muḍārib* adalah berupa harta amanah di bawah jagaannya. Sebarang kerugian, kerosakan atau kehilangan tidak dipertanggungjawabkan kepadanya. Faktor ini amat memengaruhi pemilik modal dalam membuat keputusan untuk menyertai atau tidak menyertai kontrak *muḍārabah*. Pemilik modal yang tidak yakin di atas keamanahan dan kepakaran *muḍārib* tidak akan bersedia untuk menyerahkan modal miliknya untuk diperniagakan secara *muḍārabah*. Ketiadaan *ḍamān muḍārib* menjadi faktor utama berlaku kesangsian di pihak institusi kewangan untuk melepaskan wang di tangan mereka untuk diperniagakan oleh *muḍārib*. Ini terbukti dengan kecilnya jumlah pembiayaan pelanggan yang dibuat secara *muḍārabah* dalam institusi kewangan di Malaysia. Beliau juga menyimpulkan bahawa institusi kewangan Islam lebih bersedia untuk menerima deposit daripada pelanggan mereka

⁵⁷ Yusof Bin Ramli, "*Muḍārabah: Konsep Dan Pemakaiannya Dalam Institusi Kewangan Islam Di Malaysia*" (Tesis Doktor Falsafah Syariah, Jabatan Syariah Dan Ekonomi Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003).

secara *muḍārabah* iaitu dengan menjanjikan sebahagian keuntungan untuk mereka. Manakala perniagaan yang dilakukan oleh bank ke atas wang deposit itu pula dibuat secara bebas, tidak dilakukan secara *muḍārabah* juga kerana mahu mengelakkan risiko kerugian yang hanya akan ditanggung oleh institusi kewangan sebagai pemilik modal, jika ianya berlaku.

Daripada huraian di atas penulis mendapati bahawa kajian-kajian yang telah dibuat oleh para pengkaji terdahulu belum ada yang memfokuskan kajiannya mengenai pelaksanaan akad *muḍārabah* pada produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di perbankan syariah, khususnya di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS). Kajian-kajian ini menjadi bahan rujukan asas kepada penulis untuk mendapatkan penjelasan yang meluas terhadap masalah yang dikaji, membuat analisis dan merumuskan penyelesaian masalah ke atas kajian yang dilakukan. Secara kesimpulannya, bentuk penulisan berkaitan *muḍārabah* dan penulis-penulisnya diterangkan dalam Jadual 1.1:

Jadual 1.1. Bentuk Penulisan *Muḍārabah* dan Penulis-Penulisnya


(1) Kajian Berkaitan Konsep <i>Muḍārabah</i> Kontemporari	i) Keperluan Kepada Perubahan konsep <i>Muḍārabah</i>	Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im Abū Zayd (2000), Yusof Ramli (2008), Ibrāhīm Jāsīm Jabbār al-Yāsiri (2009), S. M. Hasanuz Zaman (1990), Yusof Ramli (2008).
	ii) Potensi <i>Muḍārabah</i> dan Peranannya	Zayd Muḥammad al-Rummānī (1999), Dwi Agung Nugroho Arianto (2011).
(2) Kajian Berkaitan Akad <i>Muḍārabah</i> Dalam Produk-Produk perbankan Syariah dan Institusi Kewangan Lainnya	i) Akad <i>Muḍārabah</i> Dalam Produk Pembiayaan	Risma Nur Arifah (2011), Zaenal Arifin (2007), Helmi Ismail Sani (2010), Ayu Nurhasanah (2005), Siti Ita Rosita (2012), Siti Ita Rosita dan Abdul Rahman (2011), A. Chairul Hadi (2011), Andy Fathur Rahman (2010), Upia Rosmalinda (2011), Junaidi (2006).
	ii) Akad <i>Muḍārabah</i> Dalam Produk Pengumpulan Dana	Sarwedi Hasibuan (2010), Annaria M Marpaung dan Siti Ita Rosita (2012).

	iii) Akad <i>Muḍārabah</i> Dalam Produk-Produk Institusi Kewangan Lainnya	Marhadi (2010), Yusof Bin Ramli (2003).
--	---------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------

1.9. Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah satu aspek terpenting dalam sesebuah kajian. Metodologi kajian yang baik akan menghasilkan sebuah hasil kajian yang baik dan bermutu. Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa kaedah utama sebagai panduan untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih bermutu. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan melalui Rajah 1.1:

Rajah 1.1. Metodologi Kajian



1.9.1. Pengumpulan Data

Metode ini digunakan bagi mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan penyelidikan untuk setiap bab dalam penulisan ini. Melalui metode ini, penulis menggunakan dua kaedah utama iaitu menggunakan data primer (kajian lapangan) dan data sekunder (kajian perpustakaan). Dalam kajian ini, data primer diperoleh melalui metode temu bual dan metode observasi. Manakala data sekunder diperoleh melalui metod dokumentasi.

1.9.1.1. Data Primer

Penulis menggunakan kajian lapangan (*field research*) dalam pengumpulan dan perolehan data primer. Dalam kajian ini, data primer diperolehi melalui dua metode yang dikira sesuai untuk untuk pengumpulan data-data yang berkenaan dengan aplikasi akad *muḍārabah* pada produk TAHAROH, kedua metode tersebut ialah:

1.9.1.1.1. Metode Observasi

Metod observasi atau kaedah pemerhatian ialah satu cara mengumpul data tanpa melibatkan komunikasi secara langsung dengan responden. Dengan kata lain, pengumpulan data dilakukan tanpa bertanya soalan secara langsung pada responden. Responden diperhatikan dalam persekitaran yang sedia ada/ semula jadi, dan kemudiannya aktiviti atau tingkah laku mereka direkodkan.⁵⁸ Metode ini digunakan semasa melakukan kajian di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi untuk melihat sendiri operasi penerapan akad *muḍārabah* pada produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi. Kunjungan dilakukan ke institusi yang berkaitan iaitu Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi (BPRS

⁵⁸ Shabita Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Selangor: Pearson Malaysia, 2005), 135.

HIK, Bekasi), yang terletak di Komplek Ruko Grand Mall Blok A 19-20, Jl. Jendral Sudirman Bekasi, 17143, Jawa Barat, Indonesia. Kunjungan tersebut dilakukan berkali-kali di mana ianya bermula pada tarikh 28 Mac 2013.

1.9.1.1.2. Metode Temu Bual

Metode ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan keterangan secara lisan daripada responden melalui temu bual dengan responden tersebut. Dengan menggunakan metode ini, ia boleh mendatangkan manfaat di dalam memberikan kefahaman dan gambaran yang jelas mengenai aplikasi akad *muḍārabah* di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi. Adapun pihak yang telah ditemui iaitu:

1. Bahagian Corporate Secretary dan Human Resource Development (HRD) Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS) Harta Insan Karimah Bekasi, iaitu Encik Nendi Mulyadi. Temu bual dilakukan pada tarikh 28 Mac 2013 yang bermula pada pukul 16.05 Waktu Indonesia Bahagian Barat (WIB). Temu bual ini merupakan awal perolehan data lapangan yang diperolehi penulis, di mana kandungan daripada temu bual tersebut masih terhad pada pengenalan sejarah dan profil Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi. Kemudian penulis melanjutkan kembali temu bual dengan beliau pada tarikh 04 Jun 2013, tarikh 07 Jun 2013, dan tarikh 26 Ogos 2013. Temu bual ini diperlukan untuk memberikan penjelasan tentang pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam produk TAHAROH di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi.
2. Pemimpin Utama Bank Pembiayaan Rakyat Syariah (BPRS) Harta Insan Karimah Bekasi, iaitu Ir. H. O.P. Yepri. Temu bual dilakukan pada tarikh 13 Ogos 2013 yang bermula pada pukul 11.00 Waktu Indonesia Bahagian Barat (WIB). Temu bual ini diperlukan untuk memberikan penjelasan lebih detil mengenai usaha pihak BPRS

HIK Bekasi dalam mengelakkan risiko kerugian dan menjaga keselamatan modal para pelanggan produk TAHAROH.

3. Ahli Dewan Pengawas Syariah (DPS) Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, iaitu DR. A. Ilyas Ismail, MA, pada tarikh 03 Jun 2013. Temu bual ini diperlukan untuk mengetahui proses pengesahan akad *mudārabah* dalam produk TAHAROH di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi.
4. Dua orang Badan Pengurus Harian (BPH) Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia (DSN-MUI), iaitu H. Kanny Hidayat, SE, MA, pada tarikh 29 Mei 2013, dan DR. H. Hasanudin, M.Ag, pada tarikh 30 Mei 2013. Temu bual ini diperlukan untuk penjelasan lebih mendalam mengenai isu kajian yang sedang dilakukan oleh penulis dari sudut hukum fiqh muamalat.
5. Lima orang pelanggan produk TAHAROH di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi, iaitu Risna Muvida, pada tarikh 22 Ogos 2013, pukul 10.30 Waktu Indonesia Bahagian Barat (WIB), Nida Khairany, pada tarikh 23 Ogos 2013, pukul 10.00 WIB, Windari Riyastutik, pada tarikh 23 Ogos 2013, pukul 14.20 WIB, Indah Fitriati, pada tarikh 23 Ogos 2013, pukul 17.35 dan 20.00 WIB, Neni Wuryandari, pada tarikh 23 Ogos 2013, pukul 21.00 WIB. Temu bual ini diperlukan bagi melengkapi data-data yang diperlukan untuk kajian dan juga untuk mengetahui kefahaman para pelanggan mengenai akad yang digunakan dalam produk TAHAROH. Penulis mendapatkan data kelima responden ini daripada pihak BPRS Harta Insan Karimah Bekasi, di mana kesemua responden yang telah ditemu bual adalah berjenis kelamin perempuan.

1.9.1.2. Data Sekunder

Bagi mendapatkan data-data ini, penulis menggunakan kajian perpustakaan (*library research*) melalui metode dokumentasi untuk memperoleh dan mengumpulkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan masalah dan tajuk kajian yang dilakukan. Oleh itu, penulis mendatangi beberapa perpustakaan bagi memperolehi data yang akurat, antara lain sebagai berikut; Perpustakaan Utama Universiti Malaya Kuala Lumpur, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya Kuala Lumpur, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) Kuala Lumpur, dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Penulis menggunakan metode dokumentasi ini sebagai kaedah dalam pengumpulan maklumat dan fakta yang terdiri daripada bahan bertulis seperti buku, kertas kerja seminar, artikel dalam jurnal, tesis, akhbar, internet, risalah/brosur dan sebagainya yang berkaitan dengan kajian penulis. Dalam penggunaan sumber rujukan, penulis mengutamakan kepada sumber asal, seperti kitab-kitab fiqh yang muktabar. Begitu juga buku-buku kontemporari turut digunakan bagi mendapatkan pandangan yang lebih tepat dengan kajian.

1.9.2. Analisis Data

Metode ini digunakan untuk menganalisis data dan maklumat yang telah diperoleh. Penulis telah menggunakan dua metode bagi menjalankan penganalisaan terhadap data dan maklumat yang telah diperoleh semasa penyelidikan, iaitu metode induktif dan metode deduktif.

1.9.2.1. Metode Induktif dan Deduktif

Dalam melakukan kajian ini penulis menggunakan metode induktif dan deduktif. Metode induktif bererti suatu pola berfikir untuk membuktikan hal-hal yang bersifat khusus kepada hal-hal yang bersifat umum. Melalui metode ini, peneliti mengumpulkan dalil-dalil dan data-data daripada pandangan para *fuqahā'* mengenai akad *muḍārabah*

dalam Islam. Selanjutnya, dalil-dalil dan data-data daripada pandangan para *fuqahā'* yang bersifat khusus dianalisis kepada suatu kesimpulan-kesimpulan yang bersifat umum yang terhasil daripada data-data yang bersifat khusus tadi, sehingga penulis dapat menjelaskan pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam muamalah semasa. Metode ini digunapakai pada bab II dan IV.

Sedangkan metode deduktif digunakan untuk menganalisis masalah berasaskan perkara-perkara yang bersifat umum kepada perkara-perkara yang bersifat khusus. Metode ini digunapakai untuk mengenal pasti prinsip syariah dalam muamalah Islam yang diamalkan dalam operasi perbankan Islam, secara khasnya pada produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH), iaitu dengan cara mengumpulkan data-data yang didapatkan sama ada melalui laporan-laporan, dokumentasi, temu bual serta sumber-sumber lain yang berhubungkait dengan kajian. Selanjutnya, data-data dan fakta yang didapatkan daripada dokumentasi dan temu bual yang bersifat umum dianalisis kepada suatu kesimpulan-kesimpulan yang bersifat khusus yang terhasil daripada data-data yang bersifat umum tadi. Metode ini digunapakai pada bab IV.

1.10. Sistematika Penulisan

Dalam kajian ini, penulis akan memulakan bab pertama dengan bab pendahuluan yang mengandungi beberapa pecahan, iaitu pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, hipotesis kajian, skop kajian, kajian lepas, metodologi kajian, diikuti seterusnya dengan sistematika penulisan dan diakhiri dengan kesimpulan.

Seterusnya bab kedua memaparkan konsep dasar akad *muḍārabah* dalam fiqh muamalah yang mengandungi beberapa perbahasan, serta fatwa dan pandangan ulama

tentang *ḍamān* (jaminan ganti rugi) dalam akad *muḍārabah*, sama ada ianya dilakukan oleh pihak pengusaha mahupun pihak ketiga. Bab ini penulis akhiri dengan kesimpulan.

Di dalam penerangan bab seterusnya, iaitu bab ketiga yang menjelaskan sejarah ringkas penubuhan institusi perbankan syariah di Indonesia, jenis-jenis perbankan syariah yang berlaku di Indonesia, produk-produk yang ditawarkan oleh institusi perbankan syariah di Indonesia serta akad-akad yang biasa digunakan dalam produk-produk ini. Sejarah penubuhan Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah (BPRS HIK) Bekasi juga akan didedahkan pada bab ini, di mana ianya mengandungi moto, visi, misi, landasan hukum, struktur organisasi dan produk-produk yang ditawarkan oleh BPRS HIK Bekasi.

Bab keempat merupakan pemaparan aplikasi akad *muḍārabah* pada produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi (BPRS HIK, Bekasi), kemudian diikuti dengan analisis aplikasi akad *muḍārabah* pada produk Tabungan Haji dan Umroh (TAHAROH) di Bank Pembiayaan Rakyat Syariah Harta Insan Karimah Bekasi (BPRS HIK, Bekasi) dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab kelima merupakan bab penutup dalam kajian ini. Dalam bab ini, dimuatkan rumusan kepada kajian yang telah dilaksanakan. Cadangan dan saranan juga dipaparkan dalam bab ini, lalu kemudian diakhiri dengan penutup.

1.11. Kesimpulan

Kajian ini penting dalam membincangkan mengenai konsep pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam produk TAHAROH di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi. Keberadaan produk Tabungan Haji memang amat membantu masyarakat muslim yang akan melaksanakan ibadah haji, hal ini demi keselamatan simpanan wang mereka

daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan serta memudahkan mereka dalam pengurusan menunaikan haji. Namun begitu, pengetahuan serta pemahaman akad yang digunakan dalam satu transaksi sesebuah produk juga mutlak diperlukan oleh seorang muslim. Hal itu demi mencegah salah faham antara pihak institusi dan pihak pelanggan, terutama dalam hal yang berhubungkait dengan dana simpanan yang dikhususkan untuk ibadah haji, di mana ianya merupakan rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh seorang muslim yang mampu, dan juga merupakan sebuah kebanggaan bagi seorang muslim apabila ia dapat melaksanakan ibadah ini.

Dalam kajian ini penulis akan membahas lebih dalam mengenai aplikasi akad *muḍārabah* dalam produk Tabungan Haji dan Umroh di BPRS Harta Insan Karimah Bekasi.